

- |  |
|--|
| <p><b>1. PEMBANTU MAKMAL<br/>KEMENTERIAN KESIHATAN<br/>M.3 EB.4 (\$570 - \$1,175 SEBULAN)<br/>KEKOSONGAN=5</b></p> |
|--|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran termasuk mata Pelajaran Sains / Matematik dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.


**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 selama tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 selama tidak kurang dari 6 tahun.

2. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus peperiksaan Sijil Pembantu Makmal dan telah berkhidmat di bawah Perkhidmatan Makmal.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU MAKMAL:**

1. Dikehendaki menjalankan tugas yang telah diarahkan dibawah pengawasan pegawai yang dipertanggungjawabkan.
2. Mengambil contoh-contoh darah pesakit di bahagian pesakit luar, klinik-klinik kesihatan dan di dalam wad-wad.
3. Memberi layanan dan menerima spesimen dari wad, klinik kesihatan dan pesakit luar.
4. Memasukkan ke dalam komputer semua ujian yang dikehendaki mengikut maklumat yang terdapat dalam '*request form*'.
5. Membantu menyediakan spesimen untuk dianalisa di bahagian makmal berkenaan.
6. Bersedia untuk bertugas ke klinik-klinik dan ke pusat-pusat pengambilan contoh-contoh darah mengikut giliran dan jadual yang diatitkan untuk mengambil contoh-contoh darah dan menyediakan spesimen untuk dihantar ke makmal.
7. Jika diperlukan datang bekerja pada hari cuti atau hari-hari kelepasan awam atau waktu-waktu diluar bekerja dan membantu pegawai yang bertugas membuat kerja rutin dan stat mengikut jadual yang diatitkan.
8. Memastikan tempat bekerja sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.
9. Pembantu Makmal adalah dikehendaki bekerja di Makmal-Makmal di Jabatan Perkhidmatan Sainifik atau Jabatan Perkhidmatan Makmal.
10. Dikehendaki menolong menjalankan semua ujian makmal yang berkaitan sebagaimana diarahkan kepadanya oleh Pegawai-Pegawai Sainifik.
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang akan diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.